

**URAK GLOBAL SASI TERHADAP KISI-KISI
PENGANGGURAN DI MALAYSIA**

DOKAAR DE SAGIT

**JERAT MELAKUKEH
TAKWIM PENGURUGAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2012

CM: 80915

1100089273

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu



L.P 9 FPE I 2012



1100089273

Impak globalisasi terhadap insiden pengangguran di Malaysia /
Diyana Sagir.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

21030 KUALA TERENGGANU

1100089273

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

IMPAK GLOBALISASI TERHADAP INSIDEN PENGANGGURAN DI MALAYSIA

**DIYANA BIT SAGIR
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGAJIAN**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2012

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (ECO 4998) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

10 Januari 2012



.....
DIYANA BT SAGIR
UK20022

DECLARATION

I hereby declare that this project paper (ECO 4998) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated.

10 January 2012



.....
DIYANA BT SAGIR
UK20022

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Syukur dan puji saya panjatkan kehadrat Allah Subhana Wata'ala yang kerana dengan limpah dan hidayah-Nya sehingga saya dapat menyelesaikan kertas projek yang bertajuk "Impak Globalisasi terhadap Insiden Pengangguran di Malaysia.

Kertas projek ini dibuat bagi memenuhi salah satu syarat dalam memperoleh Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dari Universiti Malaysia Terengganu. Dengan siapnya penyusunan kajian ini saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada **Dr Nanthakumar A/L Loganathan** sebagai penyelia dan pembimbing yang telah banyak meluangkan waktunya memberi tunjuk ajar ,saranan,motivasi selama proses penyelesaian kertas projek ini.

Pada kesempatan ini juga saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan masa, tenaga serta bantuan lain. Ucapan ini ditujukan kepada:

Ayah dan arwah Ibu saya yang telah memberikan kasih sayang, doa, dorongan, perhatian dan nasihat yang bersifat moral mahupun material sehingga saya dapat memperoleh gelaran Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaysia Terengganu.

Kawan-kawan baik mahupun kawan sekelas yang banyak membantu dalam berkongsi maklumat mahupun semangat dan dorongan kepada saya untuk dalam mengharungi kehidupan sebagai pelajar dikala senang dan susah.

Semua pihak yang membantu saya dalam kajian ini yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu dalam penulisan ini.

Harapan saya, semoga kertas projek ini dapat memberikan manfaat kepada pembaca sebagai wacana dan menambah pengetahuan. Saya menyedari masih terdapat kekurangan dalam penghasilan kertas projek ini. Jadi saya tidak keberatan untuk menerima kritikan dan saranan yang bersifat membangun.

Sekian terima kasih.

Diyana bt Sagir

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)

Email: diyanasagir@yahoo.com

IMPAK GLOBALISASI TERHADAP INSIDEN PENGANGGURAN DI MALAYSIA

ABSTRAK

Globalisasi ekonomi telah menjadi fenomena bagi kebanyakan negara termasuk negara-negara sedang membangun. Bagi sebahagian negara terutamanya bagi negara industri maju globalisasi dikatakan mendatangkan keuntungan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Namun, bagi sebahagian besar negara lain terutamanya negara miskin dan membangun fenomena ini belum mendatangkan manfaat sepenuhnya, bahkan semakin memburukkan lagi keadaan dengan meningkatkan kemiskinan dan kadar pengangguran dalam negara. Fenomena dunia tanpa sempadan ini telah mendominasi perkembangan ekonomi dunia dimana berlaku peningkatan kebergantungan antara negara khususnya terhadap negara maju. Malaysia turut mengalami perkembangan pesat dalam perdagangan dan keterbukaan pasaran antarabangsa menyebabkan pasaran kerja dibuka kepada buruh dari negara lain. Keterbukaan pasaran kerja ini meningkatkan persaingan kepada buruh tempatan dan implikasinya bilangan pengangguran mungkin meningkat. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis kesan indeks globalisasi terhadap insiden pengangguran di Malaysia dalam jangka masa panjang iaitu dari tahun 1975 sehingga 2009 dengan menggunakan data siri masa. Antara kaedah yang digunakan untuk menganggar pemboleh ubah kajian ini ialah ujian Kepegunaan yang mana telah melibatkan ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan Phillip-Perron (PP), ujian Diskriptif, ujian Kointegrasi Gregory-Hansen, ujian Model Pembetulan Ralat(VECM), dan ujian Kestabilan. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan dapat dirumuskan bahawa wujud hubungan kointegrasi antara pemboleh ubah kajian berdasarkan kepada ujian punca unit. Dengan ini, keputusan kajian menunjukkan wujud hubungan jangka masa panjang di antara pemboleh ubah kajian tetapi tidak wujud hubungan bagi jangka masa pendek antara indeks globalisasi dan jumlah pengangguran di Malaysia. Kajian ini merupakan antara kajian yang terawal mengaitkan globalisasi dan insiden pengangguran secara langsung.

ABSTRACT

Economic globalization has become a phenomenon for many countries including developing countries. For some countries, especially developed country globalization is show the increasing in economic growth. However, for other countries, especially the poor and developing countries this phenomenon is not show good result because increasing poverty and unemployment. This phenomenon has dominated economic development of the world and increase dependence between countries. Malaysia had experienced rapid growth in trade market causing the job market open to labour from other countries. The openness of the labour market leading competition for local labour and the implications is unemployment will rise. This study was conducted to analyse the impact of globalization index on unemployment incidence in Malaysia in the long term that is from 1975 to 2009 using time series data. The methods that will used to estimate these variables is stationary test which involved Augmented Dickey-Fuller test (ADF) and Phillip-Perron (PP), descriptive test, Gregory-Hansen cointegration test, VECM test, and Stability tests. Based on research it can be concluded that there is a cointegrating relationship between variables based on unit root tests analysis. These results showed the long-term relationship exists between variables, but does not have relationship for a short-term between the index of globalization and unemployment in Malaysia. This research is one of the earliest studies for looking relationship between globalization and unemployment incidence in Malaysia.